



**TEKS UCAPAN YB MENTERI PENGANGKUTAN
SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
BAGI BULAN JANUARI 2026**

Salam sejahtera, Selamat pagi, Salam Malaysia MADANI,

Yang Berhormat **Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah**
Timbalan Menteri Pengangkutan

Yang Berbahagia **Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan**
Ketua Setiausaha Kementerian

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha

Setiausaha-Setiausaha Bahagian

Ketua-Ketua Unit, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian
Pengangkutan Malaysia (MOT)

dan seluruh warga MOT yang saya hormati sekalian.

PENGHARGAAN

1. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kehadiran KSU, Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha, Ketua-ketua Pengarah, Ketua-ketua Pegawai Eksekutif, Setiausaha-setiausaha Bahagian, tuan-tuan dan puan-puan sekalian ke Majlis Perhimpunan MOT Bulan Januari pada pagi ini, sama ada secara fizikal mahupun atas talian.

2. Sepanjang tahun 2025, MOT telah mencatat pelbagai kejayaan penting dalam sektor rel, darat, maritim dan udara. Antara pencapaian utama ialah penganjuran Persidangan CEO Rel ASEAN ke-45, pelancaran BAS.MY di Kota Kinabalu dan Kuala Terengganu, serta perasmian Terminal Bersepadu Gombak yang menjadi hab pengangkutan utama negara. Dalam sektor maritim, Pelabuhan Klang berjaya tersenarai dalam 10 pelabuhan kontena tersibuk dunia, selain penganjuran program kerjasama maritim antarabangsa dan pelaksanaan inisiatif hijau seperti bengkel dasar bunkering bahan api hijau. Di sektor udara, Malaysia memperkukuh kedudukan global melalui pelancaran identiti baharu CAAM, peningkatan kerjasama udara Malaysia–China, naik taraf Lapangan Terbang Tawau, serta pengiktirafan KLIA sebagai hab penerbangan paling tersambung di Asia Pasifik dan hab kos rendah nombor satu dunia.

3. Dari aspek keselamatan jalan raya, MOT melalui JPJ melaksanakan kempen kesedaran, mewajibkan pemasangan Speed Limitation Device (SLD) pada kenderaan berat, memperkenalkan penggunaan Body-Worn Camera (BWC) untuk penguatkuasaan lebih telus, serta sistem kompaun saman baharu yang progresif. Melalui Belanjawan MADANI 2026, pelbagai inisiatif dilaksana seperti pengecualian cukai teksi, lesen motosikal percuma untuk belia, projek rel utama, penambahbaikan lapangan terbang dan pelabuhan, serta subsidi perkhidmatan udara luar bandar. Penganjuran Transport Expo ASIA (TXA) 2025 Malaysia turut memperkukuh usaha ini dengan mempamerkan inovasi dan teknologi terkini dalam industri pengangkutan rantau Asia. Semua pencapaian ini membuktikan komitmen MOT dalam memperkukuh sistem pengangkutan negara yang selamat, mampan, inklusif dan berdaya saing di peringkat global, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dan kesejahteraan rakyat.

4. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), termasuk semua pegawai, kakitangan, serta rakan-rakan di agensi, pelabuhan, penerbangan dan sektor logistik atas setiap usaha dan pengorbanan yang sentiasa menjadi tunjang kepada kemajuan sektor pengangkutan negara sepanjang tahun lepas.

TAHUN 2026, TAHUN PELAKSANAAN PANTAS

5. Saya mulakan Amanat saya kali ini dengan memetik kata-kata YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim: *"Kita tidak boleh lagi terperangkap dalam budaya lama yang lembap dan lesu. Reformasi bermakna kita harus berani melakukan anjakan, bekerja dengan pantas dan tangkas serta meletakkan kepentingan rakyat di atas segala-galanya."*

6. Setiap tahun kita bekerja keras sehingga mencatatkan banyak kejayaan. Tahun ini merupakan tahun yang kritikal untuk kita menggandakan usaha dan melaksanakan segala gerak kerja yang dirancang dengan lebih berkesan. Perkara ini amat penting kerana, ekspektasi rakyat pada hari ini bukan sahaja untuk melihat kemampuan kita mengotakan apa yang dikata, malah melihat bagaimana janji-janji kita dilaksanakan dengan segera, lebih-lebih lagi dalam era digitalisasi dan AI yang membentuk harapan masyarakat terhadap kualiti hidup yang lebih baik, cekap dan moden.

7. Dalam konteks Keselamatan Pengangkutan misalnya, kita berjanji untuk memperhebat penguatkuasaan ke atas lori lebih muatan bagi mengelakkan kemalangan yang meragut nyawa, maka kita kena pastikan aktiviti penguatkuasaan ini dilaksanakan dengan pantas dan tegas supaya semua sedar bahawa kita memandang serius dan tidak akan berkompromi

dalam isu yang melibatkan pertaruhan nyawa dan keselamatan rakyat. MOT perlu menyusun strategi yang sesuai supaya seboleh-bolehnya tindakan kita mendahului aduan. Sebagai contoh, inisiatif FlySiswa yang dilaksanakan lebih awal sebelum timbulnya rungutan meluas daripada pelajar dan ibu bapa membuktikan bahawa kementerian sentiasa proaktif dalam mengenal pasti keperluan rakyat dan bertindak sebelum masalah atau rungutan menjadi isu besar.

8. Justeru, saya ingin menetapkan bahawa tahun 2026 ini adalah Tahun Pelaksanaan Pantas dan Tangkas untuk MOT. Pelaksanaan pantas dalam tahun 2026 menuntut satu budaya kerja yang benar-benar proaktif. Setiap arahan bukan sahaja perlu dilaksanakan segera, tetapi juga mesti diikuti dengan 'follow up' dan 'follow through' yang konsisten. "Speed is the new currency of government". Dalam konteks pengangkutan awam, ini bermakna setiap inisiatif seperti penambahbaikan laluan, pendigitalan sistem tiket, atau penyelenggaraan kenderaan mesti dipantau secara berterusan, bukan hanya selepas masalah timbul.

TIGA FOKUS STRATEGIK MOT 2026

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Pada tahun ini, gerak kerja kita dipandu oleh tiga fokus utama, iaitu:

PERTAMA: Mempercepat Agenda Reformasi. Kita perlu menyegerakan pembangunan infrastruktur, transformasi digital, dan memperkukuh tatakelola sambil memastikan ketirisan sifar.

KEDUA: Inisiatif Berpaksikan Rakyat. Kita perlu memperkukuh sistem pengangkutan awam, meningkatkan tahap keselamatan, membantu mengurangkan kos sara hidup, dan memperluas peluang pekerjaan.

KETIGA: Komunikasi Total. Kita perlu menggunakan 'Bahasa Rakyat', iaitu terangkan dasar dan pelaksanaan kita dengan cara yang mudah. Pastikan rakyat faham manfaat projek kita. Komunikasi kita harus sampai dan berkesan supaya segala usaha kebaikan yang kita bawa dapat dihargai oleh rakyat.

INISIATIF STRATEGIK TAHUN 2026

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Selepas Retreat MOT yang diadakan di Melaka pada minggu kedua Januari 2026, Kementerian telah mengenal pasti 222 inisiatif strategik yang akan dilaksanakan pada tahun ini. Saya ingin memetik beberapa inisiatif utama mengikut sektor:

Sektor Udara

Antara inisiatif utama dalam sektor penerbangan Malaysia yang menunjukkan komitmen kerajaan memperkukuh industri penerbangan negara dan kebajikan rakyat adalah:

a. *FLYsiswa*

Kerajaan menyediakan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti (di bawah KPT), serta Institut Pendidikan Guru dan Matrikulasi (di bawah KPM) bagi laluan domestik antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

b. *Subsidi Tiket Musim Perayaan*

Bagi memastikan rakyat dapat pulang ke kampung halaman sempena musim perayaan utama seperti Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, dan Pesta Kaamatan/Hari Gawai, kerajaan turut menyalurkan subsidi pembelian tiket penerbangan bagi laluan domestik sehala antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan.

c. *Inisiatif Hijau dan Digitalisasi*

Melalui pemantauan pelan *Malaysia Green Skies* dan pelaksanaan projek seperti *ClearPath* (pendaftaran pengendali dron), sektor penerbangan negara dipacu ke arah kelestarian alam sekitar dan inovasi teknologi. Kajian

pelepasan persimpangan di KLIA pula memastikan operasi lapangan terbang lebih lancar dan selamat.

d. Pemerkasaan CAAM dan Tenaga Kerja

CAAM digalakkan menjana pendapatan tanpa bergantung kepada geran kerajaan, manakala tenaga kerja perkhidmatan navigasi udara diperkasa melalui latihan dan pembangunan profesional. Rangka kerja piawaian pengurusan aduan pengguna turut dibangunkan untuk meningkatkan kecekapan dan kepuasan pelanggan.

Sektor Maritim

Antara inisiatif utama dalam sektor maritim Malaysia yang memperkukuh daya saing, kelestarian dan tadbir urus industri maritim negara adalah:

a. Malaysia Maritime Bunkering

Inisiatif ini bertujuan membangunkan ekosistem bunkering bahan api maritim yang lebih hijau dan mampan, selaras dengan usaha dekarbonisasi sektor maritim.

***b. Pembangunan Malaysia Maritime Masterplan (MMM)
2026-2040***

MMM merupakan pelan induk jangka panjang yang merangkumi strategi pembangunan, pengurusan dan pengukuhan sektor maritim negara.

c. Pembangunan dan Peluasan Kapasiti Pelabuhan-pelabuhan Persekutuan

Kerajaan komited memperluas dan menaik taraf kapasiti pelabuhan utama negara seperti Pelabuhan Klang, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Kuantan.

d. Reformasi Perundangan Maritim & Tadbir Urus Kabotaj

Kerajaan melaksanakan reformasi undang-undang maritim dan memperkemas dasar kabotaj bagi memastikan peraturan lebih jelas, telus dan kondusif untuk pertumbuhan industri.

Sektor Jalan Raya

Antara inisiatif utama dalam sektor pengangkutan darat Malaysia yang menunjukkan usaha berterusan kerajaan dalam meningkatkan keselamatan, kecekapan dan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam serta komersial:

a. Pemasangan Kamera Point-to-Point untuk Memantau Kelajuan Kenderaan

Inisiatif ini melibatkan pemasangan kamera khas di lokasi strategik bagi memantau kelajuan kenderaan secara lebih efektif.

b. Peningkatan Profesionalisme Pemandu Kenderaan Berat & Pemantauan Tingkahlaku melalui Telematik

Kerajaan akan memperkenalkan latihan dan program pembangunan profesional untuk pemandu kenderaan berat, termasuk penggunaan teknologi telematik bagi memantau tingkah laku pemanduan. Sistem telematik membolehkan pemantauan masa nyata terhadap kelajuan, corak pemanduan dan pematuhan undang-undang, seterusnya meningkatkan keselamatan jalan raya dan mengurangkan risiko kemalangan melibatkan kenderaan berat.

c. Pelaksanaan Program Car Exchange di bawah Bajet 2026

Program ini memberi insentif kepada pemilik kenderaan lama untuk menukar kepada kenderaan baharu yang lebih selamat dan mesra alam. Ia bertujuan mengurangkan jumlah kenderaan usang di jalan raya, sekaligus meningkatkan tahap keselamatan dan menggalakkan penggunaan teknologi automotif terkini.

Sektor Rel

Antara inisiatif utama dalam sektor rel Malaysia yang memperkukuh sistem pengangkutan negara dan memberi manfaat langsung kepada rakyat adalah:

a. Meningkatkan Jumlah Perkhidmatan ETS

Penambahan perkhidmatan ETS daripada 34 kepada 46 trip sehari membolehkan lebih ramai penumpang menikmati perjalanan yang lebih kerap, fleksibel dan selesa di antara bandar-bandar utama di Semenanjung Malaysia.

b. Perkhidmatan Tren Penumpang Merentasi

Sempadan Butterworth–Bangkok

Pengenalan perkhidmatan tren penumpang antara Butterworth dan Bangkok membuka peluang baharu untuk pelancongan, perdagangan dan hubungan serantau.

c. Inisiatif Road to Rail & Pemanjangan Landasan

NBCT

Melalui inisiatif Road-to-Rail, kerajaan menggalakkan lebih banyak kargo diangkut menggunakan rel ke Pelabuhan Pulau Pinang. Penyiapan projek pemanjangan landasan di North Butterworth Container Terminal (NBCT) membolehkan peningkatan jumlah

wagon, menjadikan pengangkutan kargo lebih efisien, kos efektif dan mesra alam.

d. Penyiapan dan Pengoperasian ECRL

Projek ECRL (East Coast Rail Link) yang sedang disiapkan akan menghubungkan Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Kesiediaan pengoperasian ECRL bakal merancakkan pertumbuhan ekonomi, mempercepat pergerakan penumpang dan kargo, serta membuka peluang pekerjaan dan pembangunan komuniti setempat.

Sektor Logistik

Antara inisiatif utama dalam sektor logistik Malaysia yang memperkukuh kecekapan, daya saing dan kemajuan industri logistik negara adalah:

a. Program Professional Advancement in Trucking and Haulage (PATH)

Program ini memberi tumpuan kepada pembangunan profesionalisme dalam perkhidmatan pengangkutan barangan, khususnya sektor trak dan pengangkutan berat. Melalui latihan, pensijilan dan pembangunan kemahiran, PATH melahirkan tenaga kerja yang lebih mahir, beretika dan berdaya saing, sekaligus meningkatkan imej serta kecekapan sektor logistik negara.

b. Sistem Malaysia Maritime Single Window (MMSW)

Fasa 1 & 2

MMSW merupakan platform digital bersepadu yang memudahkan urusan dokumentasi dan kelulusan berkaitan perkapalan serta logistik maritim. Pelaksanaan mekanisme fi/caj bagi penggunaan MMSW Fasa 1 memastikan kelestarian operasi sistem, manakala Fasa 2 akan memperluas fungsi dan integrasi sistem, menjadikan proses logistik maritim lebih cekap, telus dan pantas.

c. Menggubal Akta Pengangkutan Multimodal

Akta ini digubal untuk mengawal selia pengangkutan multimodal di Malaysia, iaitu integrasi pelbagai mod pengangkutan (darat, laut, udara) dalam satu rantai logistik. Langkah ini memastikan peraturan yang lebih jelas, perlindungan pengguna dan peningkatan kecekapan pengurusan logistik negara.

d. Penambahbaikan Perkhidmatan Kargo Udara

Kerajaan berusaha menambah baik perkhidmatan kargo udara melalui peningkatan infrastruktur, digitalisasi proses, serta kerjasama dengan syarikat penerbangan dan pengendali kargo.

11. Pelaksanaan segera inisiatif-inisiatif ini mestilah disertai dengan impak positif yang nyata. Kepuasan rakyat adalah 'KPI' tertinggi kita.

PERALIHAN MINDA: 'OUTCOME-BASED' BUKAN SEKADAR 'PROCESS-BASED'

12. Dalam melaksanakan amanah yang kita galas dan memastikan inisiatif-inisiatif direncana dengan tuntas, satu perubahan minda (*mindset shift*) yang ingin saya sarankan tahun ini adalah peralihan daripada budaya '*Process-Based*' kepada '*Outcome-Based*'.

13. Jangan kita keliru antara "aktiviti" dengan "pencapaian". Saya tidak mahu kita hanya bangga dengan jumlah mesyuarat atau surat yang dijawab. Dalam budaya *Outcome-Based*, kita bertanya: "Adakah rakyat sudah merasai manfaatnya?" Jika kita memasang lampu jalan misalnya, hasilnya bukan pada pemasangan itu, tetapi pada penurunan kadar kemalangan. Indikator kejayaan kita adalah pengalaman pengguna, keselesaan rakyat, dan kualiti perkhidmatan yang mereka terima.

14. Peralihan daripada budaya "*Process-Based*" kepada "*Outcome-Based*" dalam konteks pengangkutan awam menuntut perubahan cara berfikir dan bekerja yang mendalam. Kita perlu

menetapkan “*Key Outcome Indicators (KOI)*” yang jelas dan berorientasikan rakyat. Antara indikator utama ialah purata masa menunggu bas atau tren, ketepatan jadual perjalanan, pengurangan kadar kemalangan, peningkatan tahap kepuasan pengguna, dan kemampanan kos pengangkutan. Selain itu, aksesibiliti untuk golongan OKU dan warga emas serta integrasi antara mod pengangkutan juga menjadi ukuran penting. Dengan indikator ini, kita dapat menilai sama ada setiap inisiatif benar-benar inklusif serta memberi kesan positif kepada pengalaman rakyat.

REFORMASI BIROKRASI DAN PENDIGITALAN BERPAKSIKAN RAKYAT

Tuan-tuan dan Puan-puan,

15. Fokus Kerajaan MADANI pada tahun 2026 adalah meningkatkan kecekapan pentadbiran. Kita perlu mengurangkan karenah birokrasi yang merumitkan dengan mempercepat pendigitalan perkhidmatan. Namun, saya ingin tegaskan bahawa pendigitalan perkhidmatan mestilah ‘mesra pengguna’. Kita tidak mahu membina sistem yang canggih dan kompleks tetapi menyusahkan pengguna. Matlamat sebenar adalah mempercepat akses dan memudah cara perkhidmatan kepada rakyat supaya kesan langsung seperti penjimatan masa dan kos kepada rakyat dapat dinikmati.

16. Dalam konteks pengangkutan awam, pendigitalan boleh membawa impak besar jika dilaksanakan dengan betul. Contohnya, sistem tiket elektronik, aplikasi jadual perjalanan, dan platform aduan digital mesti direka dengan **User Interface** yang mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat, termasuk warga emas dan golongan kurang berkemampuan. Pendekatan ini menuntut kita mencontohi kejayaan BUDI95, yang terbukti berkesan kerana mekanismenya ringkas — hanya menggunakan MyKad. Standard ini perlu menjadi rujukan untuk semua inisiatif digital di bawah MOT: rakyat tidak perlu mengisi borang yang panjang, memuat turun pelbagai aplikasi, atau melalui proses pengesahan yang rumit. Sebaliknya, mereka hanya perlu satu identiti digital yang mudah diakses dan dipercayai.

17. Kita perlu memanfaatkan data masa nyata, teknologi pintar, serta potensi Artificial Intelligence (AI) untuk mengesan pola penggunaan, menjangka kemungkinan kelewatan, meramal kekurangan kapasiti, mengenal pasti risiko keselamatan dengan lebih awal, dan mengaktifkan sistem respons segera.

18. Kita tidak boleh sekadar menjadi pengguna teknologi, MOT mesti menjadi peneraju dalam penggunaan AI untuk meningkatkan kecekapan sistem dan dasar pengangkutan. Saya menyarankan supaya setiap bahagian, jabatan dan agensi MOT

mengenal pasti bidang kerja yang boleh diperkukuh dengan pemanfaatan AI, sama ada dalam perancangan logistik, analisis trafik, penguatkuasaan, ataupun penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat.

PENUTUP

Tuan-tuan dan Puan-puan,

19. Tahun 2026 bukan ruang untuk bertanggung atau menunggu arahan, ia adalah tahun untuk memecut ke hadapan. MOT mesti bertindak pantas, tegas dan berfokus, memastikan setiap perancangan diterjemahkan kepada hasil yang nyata.

Selamat bertugas dan teruskan kecemerlangan!

Terima Kasih!

[TAMAT]